UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA




# PELAN STRATEGIK

## KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MEDIA ( KPPIM )

## 2022 - 2025

# ISI KANDUNGAN


| KANDUNGAN | M/S |
|---|---|
| Pengantar | 3 |
| Pengenalan | 4 |
| Visi, Misi dan Dasar Kualiti | 5 |
| Pengurusan KPPIM | 6 |
| Jawatankuasa Perancangan Strategik KPPIM | 7 |
| Isu dan Cabaran | 8 |
| Nilai i-DART dan Nilai ESI | 9 |
| Hasrat dan Matlamat KPPIM 2025 | 10 |
| Objektif Kualiti | 11 |
| Swot Analisis | 12 |
| Gerak Kerja Penyediaan Perancangan Strategik KPPIM 2022 - 2025 | 13 |
| Teras Strategik KPPIM 2025 | 14 |
| Tema Strategik KPPIM 2025 | 15 |
| Senarai Projek Berdasarkan Teras 2023 | 16 |
| Projek Utama Hal Ehwal Akademik ( HEA ) 2023 | 17 |
| Projek Utama Hal Ehwal Pelajar ( HEP ) 2023 | 18 |
| Projek Utama Penyelidikan & Inovasi ( P&I ) 2023 | 19 |
| Projek Utama Jaringan Industri, Komuniti & Alumni ( ICAN ) 2023 | 20 |
| Projek Utama Pengurusan | 21 |



Assalamu'alaikum warahmatullahi wabaraktuh

Kertas Perancangan Strategik Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media (KPPIM) telah dihasilkan dengan iltizam KPPIM bagi menyokong agenda transformasi UiTM. Perancangan strategik ini bertujuan memposisikan KPPIM sebagai sebuah kolej yang unggul dan terkemuka di dunia dalam bidang Sains Pengkomputeran, Sains Matematik, Sains Maklumat serta Komunikasi dan Media. Kesemua projek yang dicetuskan adalah berdasarkan kepada hala tuju UITM. Saya percaya dengan apa yang direncanakan seiring dengen kebersamaan yang ditunjukkan pihak pengurusan universiti dan semua staf KPPIM, usaha ini akan dapat membuahkan hasil. Ikonik dan berimpak dalam apa juga yang diterokai menjadi mentera keramat Kolej ini. Akhir kata, sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua warga KPPIM yang telah terlibat dalam menyumbangkan buah fikiran dan tenaga dalam menjayakan perancangan strategik KPPIM. Semoga dengan izin Allah, pencapaian Kolej akan sentiasa terserlah.

Sekian, Terima Kasih.

Prof Ts. Dr Haryani Haron
Penolong Naib Canselor
Kolej Pengajian Pengkomputeran,
Informatik & Media

# PENGANTAR

# PENGENALAN KPPIM

KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MEDIA merupakan sebuah kolej pengajian yang ditubuhkan pada 1 Oktober 2022 dari gabungan tiga (3) fakulti iaitu Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Fakulti Pengurusan Maklumat, dan Fakulti Komunikasi dan Media. Tujuan penubuhan adalah untuk memperkasa bidang pengajian yang sedia ada disamping mewujudkan bidang pengajian yang baharu bagi menyokong matlamat UiTM sebagai universiti terkemuka dunia.

Kekuatan KPPIM adalah dari segi program akademik dan bidang pengajian yang ditawarkan. KPPIM menawarkan program akademik bagi semua peringkat dalam bidang Sains Pengkomputeran, Sains Matematik, Sains Maklumat serta Komunikasi dan Media. Kekuatan ini akan menyumbang kepada keperluan tenaga kerja dalam pelbagai sektor.



# VISI , MISI & DASAR KUALITI

## Visi

Menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan.

## Misi

Menjuarai pembangunan bumiputera profesional menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak.

## Dasar Kualiti

KPPIM komited untuk menguruskan universiti secara profesional demi melahirkan graduan bumiputera yang berdaya saing, global dan beretika serta sentiasa memenuhi keperluan pelanggan.

KPPIM sentiasa meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem pengurusan kualiti melalui penambahbaikan secara berterusan untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia.

# PENGURUSAN KPPIM



# JAWATANKUASA PERANCANGAN STRATEGIK KPPIM

| BIL. | NAMA |
|---|---|
| 1 | Prof Ts. Dr Haryani Haron<br>Penolong Naib Canselor |
| 2 | Prof. Ts. Dr Mohamad Noorman Masrek<br>Dekan, Penyelidikan dan Inovasi |
| 3 | Dr Muhammad Khairulnizam Zaini<br>Dekan, Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni |
| 4 | PM Dr Massila Hamzah<br>Dekan, Akademik dan Antarabangsa |
| 5 | Encik Mohd Nazrul Mohd Amin<br>Dekan, Hal Ehwal Pelajar |
| 6 | Dr Wan Hartini Binti Wan Zainodin<br>Ketua Pengajian Komunikasi & Media |
| 7 | PM Dr Mohamad Yusof Darus<br>Ketua Pengajian Sains Pengkomputeran |
| 8 | PM Dr Ahmad Zia Ul-Saufie Mohamad Japeri<br>Ketua Pengajian Sains Matematik |
| 9 | PM Dr Mad Khir Johari Abdullah Sani<br>Ketua Pengajian Sains Maklumat |
| 10 | Encik Mohammad Azuwadi Mohd Yasin<br>Timbalan Pendaftar Kanan |
| 11 | PM Dr Natrah Abdullah@Dolah<br>Ketua Unit Kualiti & Strategi |
| 12 | Dr Ezza Refedziawati Kamal Rafedzi<br>Ketua Kesejahteraan & Kebajikan Pelajar |
| 13 | PM Dr Norjansalika Janom<br>Ketua Pascasiswazah |
| 14 | PM Ts Dr Nur Atiqah Sia@Abdullah<br>Ketua RIG |
| 15 | Dr Anuar Ali<br>Ketua Kepimpinan & Pembangunan Pelajar |
| 16 | Profesor Dr Nursuriati Jamil<br>Profesor (CS) |
| 17 | PM Dr Safawi Abdul Rahman<br>Koordinator Komuniti |
| 18 | PM Dr Nasiroh Omar<br>Profesor Madya |
| 19 | Puan Suzana Zambri<br>Koordinator Komunikasi Korporat |
| 20 | PM Dr Marina Ismail<br>Pensyarah Kanan |
| 21 | Dr Suffian Hadi Ayub<br>Koordinator Industri |
| 22 | Dr Normi Abdul Hadi<br>Pensyarah Kanan (CS) |
| 23 | Dr Maslina Abdul Aziz<br>Koordinator Keusahawanan |

| BIL. | NAMA |
|---|---|
| 25 | Puan Rohayu Ruwati Ibrahim<br>Penolong Pendaftar Kanan (ICAN) |
| 26 | Puan Nur Diyana Mat Tarudi<br>Penolong Pendaftar (Akademik-UG) |
| 27 | Puan Norlin Zainal<br>Penolong Pendaftar Kanan (HEP) |
| 28 | Puan Juhaida Abd Aziz<br>Penolong Pendaftar Kanan |
| 29 | Dr Farrah Diana Saiful Bahry<br>Pensyarah Kanan (IM) |
| 30 | Dr Noor Zaidi Sahid<br>Ketua Business Development Unit (BDU) |
| 31 | PM Dr Saidatul Akmar Ismail<br>Ranking Champion (IM) |
| 32 | Dr Wardatul Hayat Adnan<br>Wakil Koordinator Antarabangsa |
| 33 | Dr Fadhilah Aman<br>Pensyarah Kanan (IM) |
| 34 | Dr Shifa Faizal<br>Ranking Champion (MC) |
| 35 | PM Dr Shamila Mohd Shuhidan<br>Koordinator Penerbitan |
| 36 | Prof. Madya Dr Zulkifli Abd Latif<br>Prof. Madya (MC) |
| 37 | Professor Dr Daud Mohamad<br>Profesor (CS) |
| 38 | Dr Rinie Narinie Mohd Nasir<br>Pensyarah Kanan (CS) |
| 39 | Puan Nurzeatul Hamimah Abd Hamid<br>Ranking Champion (CS) |
| 40 | Encik Kamarul Ariffin Hashim<br>Penolong Jurutera |
| 41 | YM Dr Tengku Elena Tengku Mahamad<br>Koordinator Antarabangsa |
| 42 | Encik Mohd Rafede Abdul Aziz<br>Penolong Pendaftar (Akademik-PG) |
| 43 | Cik Nur Hanis Mohd Mokhlis<br>Penasihat Sekretariat Mahasiswa (CS) |
| 44 | Encik Ahmad Farami Abdul Karim<br>Pengurus Radio UFM |
| 45 | Puan Wan Suzienani Wan Sulong<br>Pegawai Eksekutif |
| 46 | Dr Azliza Mohd Ali<br>Liaison PDTI (CS) |
| 47 | Encik Mohd Fahdly Mohtar<br>Penolong Jurutera |

# ISU DAN CABARAN

Bagi menyokong aspirasi UiTM, KPPIM sentiasa memberi penekanan terhadap pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berorientasikan nilai. Walaupun berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran  yang boleh mempengaruhi prestasi yang telah digariskan, KPPIM telah menangani dengan jayanya.

KPPIM sedang menuju ke arah kolej pengajian yang berorientasikan penyelidikan. Ini menunjukkan perkembangan yang positif apabila ramai staf akademik mula menerbitkan hasil penyelidikan mereka. Namun, jumlah penerbitan berimpak tinggi masih rendah berbanding dengan jumlah penghasilan penerbitan dalam bentuk penulisan kreatif yang tinggi. Jumlah penerbitan berimpak tinggi ini penting bagi penyenaraian *QS Ranking*. Penyenaraian *QS Ranking* bidang tujahan KPPIM masih rendah dan terdapat bidang yang masih belum disenaraikan.

KPPIM menawarkan program akademik yang relevan dan sentiasa menjadi pilihan utama. Ianya dapat dilihat melalui jumlah permohonan kemasukan dan menjadi pilihan pertama yang tinggi pada setiap semester. Namun, penawaran program pengajian dari luar KPPIM yang mengambil tempoh pengajian yang lebih singkat menjadi ancaman kepada program-program akademik di KPPIM.

Cabaran lain yang dihadapi oleh KPPIM adalah untuk merapatkan jurang komunikasi dengan alumni. Cabaran ini menjadi lebih kritikal jika terdapat isu-isu menyentuh sentimen awam tidak disalurkan kepada saluran yang betul. Akibatnya, tanggapan yang salah akan tercetus dan akan tersebar kepada orang awam tanpa sebarang penjelasan dan kawalan dari pihak KPPIM.

Ekonomi Bebas *(GIG Economy)* juga memberi kesan kepada graduan KPPIM di mana mereka perlu bersaing dari segi perubahan pembangunan bidang kepakaran dalam kewujudan bidang baharu dan teknologi khusus. Disamping bersaing dengan tenaga kerja dari luar, graduan perlu merapatkan jurang kepakaran ini bagi membolehkan mereka bekerja di syarikat multinasional dan antarabangsa.

KPPIM menyedari bahawa kekurangan tersebut merupakan pengajaran penting yang perlu dipertimbangkan untuk menjadi relevan sebagai sebuah kolej pengajian yang ikonik dan berimpak. Pengajaran ini dipadukan dan dianalisis untuk membentuk asas dalam merangka Pelan Strategik KPPIM 2025.

# NILAI I-DART




# NILAI ESI

# HASRAT DAN MATLAMAT KPPIM 2025



# OBJEKTIF KUALITI KPPIM

**Mencapai enrolmen 10 000 pelajar menjelang 2025.**

- 60% pelajar yang memperolehi 5A di peringkat SPM mendaftar bersama KPPIM.

**Memastikan peningkatan peratusan pelajar bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan (GOT) menjelang 2025 mengikut peringkat pengajian berikut:**

| 90% | 90% | 15% | 20% |
|---|---|---|---|
| Pelajar sepenuh masa Diploma dan Sarjana Muda | Pelajar Sarjana (Kerja Kursus) | Pelajar Sarjana (Penyelidikan) | Pelajar PhD |

**Memastikan sekurang-kurangnya 15 graduan PhD menjelang 2025.**

- Memastikan sekurang-kurangnya 1% pelajar PhD dari luar negara bergraduat bersama KPPIM menjelang 2025

**Memastikan kadar kebolehpasaran siswazah melebihi:**

- diploma 90%
- sarjana muda 90%
- graduan usahawan 5%

**Memastikan bilangan penerbitan berindeks mencapai 2,400 menjelang 2025 (Peningkatan sebanyak 80 penerbitan berindeks Q1 menjelang 2025)**

80%

**Memastikan 100% kurikulum melalui proses semakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 – 5 tahun.**

- Memastikan jumlah bilangan program yang mendapat pengiktirafan daripada badan-badan professional tempatan dan antarabangsa menjelang 2025 sepertimana pecahan berikut:
  Tempatan: 17 program
  Antarabangsa: 4 program

100%



**Memastikan nilai geran penyelidakan mencapai RM14 Juta menjelang 2025.**

**Memastikan kecemerlangan dalam pemindahan ilmu dengan pengkomersilan 1 produk hasil penyelidikan menjelang 2025.**

- Memastikan kecemerlangan dalam pemindahan ilmu melalui pengkomersilan produk hasil penyelidikan dan perundingan kepakaran dengan jumlah nilai RM1.5 juta menjelang 2025.

**Memastikan 60% pensyarah adalah berkelayakan PhD menjelang 2025.**

## S

**Program Akademik**
1. Mendapat pengiktirafan MQA dan pensijilan profesional
2. Program Trans-National Education dan program pesisir
3. Jumlah enrolmen pelajar yang tinggi

**Alumni dan Industri**
1. Alumni yang terkenal dan pakar bidang.
2. Jaringan industri

**Penyelidikan, Penerbitan dan Inovasi**
1. *QS Ranking* by subject dalam bidang Sains Komputer dan Sistem Maklumat

**Kepelbagaian bidang pengetahuan**
1. Infrastruktur dan Infostruktur
2. Makmal khusus
3. Radio UFM
4. Pusat rujukan/sumber

**Sumber Manusia**
1. Kepelbagaian kepakaran
2. Projek-projek konsultansi
3. Perolehan geran
4. Penerbitan (akademik dan penulisan kreatif)

## W

**Program Akademik**
1. Terlalu banyak program akademik termasuk cawangan (masalah mengurus, memantau, penyeragaman, cabaran kualiti)

**Alumni dan Industri**
1. Tiada penggabungan dan pengiktirafan yang berterusan dan sistematik dengan alumni dan data tidak dilaporkan dengan betul
2. Program Sulam lebih kepada aktiviti *one-off* (isu kelestarian)

**Penyelidikan/Penerbitan/Inovasi**
1. Kurang Keterlibatan Penyelidik
2. Kurang perancangan penggantian
3. Motivasi menulis (kurangnya tajaan yuran penerbitan)
4. Kurang kesan penerbitan (petikan rendah)
5. Kerjasama yang tinggi tetapi sinergi berimpak rendah dari segi kerjasama penulisan dan pemerolehan geran
6. Nisbah penerbitan yang rendah sebagai pengarang yang sepadan / bilangan denominator yang tinggi
7. Hab Inkubasi dan Pengkomersilan bagi produk dan inovasi

**Infrastruktur dan Infostruktur**
1. Tiada repositori dan inventori (pentadbiran, aset, kemudahan)
2. Tiada satu saluran komunikasi yang utama (penjenamaan kolej)
3. Audit Teknologi terhadap Infrastruktur (Makmal, Studio, Perisian)
4. Keperluan keseragaman kakitangan dan pelajar melalui rasa kekitaan dan identiti.
5. Tiada pusat sehenti untuk tujuan pensijilan di semua bidang di kolej di seluruh cawangan
6. Persekitaran yang kondusif

**Budaya kerja Sumber manusia dan pelajar**
1. Komunikasi dan kemenjadian bakat (Pelajar)
2. Kecekapan kakitangan

## O

**Program Akademik**
1. *Niche area, double degree* dan *future-proof* program

**Alumni dan Industri**
1. Penglibatan alumni
2. Proses kerja dan amalan terbaik
3. Industri utama negara dan antarbangsa

**Penyelidikan, Penerbitan dan Inovasi**
1. Set kemahiran yang pelbagai
2. RIG yang pelbagai
3. CSR & aktiviti pelajar yang berimpak
4. Perluasan Pengajaran/Aktiviti Kerjasama
5. Keunikan - bidang tujahan yang baharu

**Infrastruktur/ Infostruktur**
1. Penjanaan pendapatan melalui infrastruktur
2. Pendigitalan

## T

**Program Akademik**
1. Program ditawarkan oleh universiti lain membolehkan pelajar menamatkan pengajian dengan lebih cepat

**Penyelidikan, Penerbitan dan Inovasi**
1. Penulisan kreatif dalam media kurang berimpak untuk MyRA Kedudukan QS Rendah

**Alumni dan Industri**
1. Masalah komunikasi dengan alumni kerana tiada saluran yang betul.
2. Aduan Alumni melalui media massa

**Faktor lain**
1. Sentimen dan persepsi orang ramai
2. Impak Ekonomi GIG

# GERAK KERJA PENYEDIAAN KPPIM 2025

**BENGKEL “READY, SET, ACTION!”**

1



22 - 24 NOVEMBER 2022
HASIL BENGKEL - TAGLINE KPPIM (ICONIC & IMPACTFUL) , SWOT KPPIM

2



**PRE-BENGKEL STRATEGI LONJAKAN**

8 DISEMBER 2022
HASIL BENGKEL - 5 TERAS KPPIM

**BENGKEL STRATEGI LONJAKAN**

3



15 - 17 DISEMBER 2022
HASIL BENGKEL - PLAN STRATEGI 2022 - 2025

4




**BENGKEL PEMANTAPAN STRATEGIC ACTION PLAN**

14 FEBRUARI 2023
HASIL BENGKEL -14 INISIATIF PROJEK YANG AKAN DIPACU BAGI PENCAPAIAN PI PADA TAHUN 2023

# TERAS STRATEGIK KPPIM

1. Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (HEA)
2. Hal Ehwal Pelajar HEP)
3. Penyelidikan & Inovasi (P&I)
4. Jaringan Industri Komuniti dan Alumni (ICAN)
5. Pengurusan

**HEA:**

1. HYFLEX DELIVERY
2. COMPETENT EDUCATORS
3. HOLISTIC MICRO ASSESSMENT
4. GLOBALLY RECOGNISED CURRICULUM

**HEP:**

1. SOUGHT AFTER TALENT
2. SELF SUSTAINED

**P&I :**

1. REFERRED RESEARCH
2. DISTINGUISH RESEARCHER
3. VALUE DRIVEN INNOVATION

**ICAN:**

1. SUSTAINABLE NEXUS CHAIN

**PENGURUSAN:**

1. VALUE DRIVEN FRONTLINER

# TEMA STRATEGIK

**HEA**

- Semak kurikulum sedia ada dan tingkatkan bilangan program akademik antara disiplin, transdisiplin dan pelbagai disiplin (boleh dipasarkan secara global)
- Capai dan kekalkan Akreditasi/ Kedudukan/ antarabangsa.
- Memanfaatkan kuasa perkongsian dan mobiliti antarabangsa.
- Tingkatkan keterlihatan dan kehadiran pendidikan melalui platform merentas media.
- Memantapkan nilai pengajaran dan amalan pengajaran.
- Tanamkan nilai *A.D.A.B (Analysis, Design, Assess, Build in Belief) &* AMANAH dalam amalan pendidikan.
- Tingkatkan pengetahuan pemindahan Akademi - Industri - Komuniti
- Menggabungkan teknologi HyFlex dalam penyampaian termasuk ekosistem pembelajaran berbilang platform (MOOC, *mikro credential,* di luar bilik darjah) dan pengalaman pembelajaran yang mendalam.
- Memupuk suasana pembelajaran yang disokong oleh ruang pembelajaran pintar.
- Mengintegrasikan kaedah pembelajaran secara fizikal dan maya dengan penglibatan industri, komuniti dan alumni.
- Membangunkan kandungan penilaian pemikiran ke hadapan yang mampu mengukur pemerkasaan kemahiran transversal pelajar (cth: penyelesaian masalah, komunikasi, kepimpinan).
- Memperkayakan kaedah penilaian (penilaian pembelajaran pengalaman melebihi kaedah konvensional) untuk melahirkan graduan yang seimbang dan boleh dipasarkan secara global.

**HEP**

- Membangunkan kecemerlangan bakat berkemahiran tinggi, berkelayakan dan profesional dengan personaliti dinamik dan berdaya saing berdasarkan nilai ESI dan I-DART.
- Meningkatkan potensi bakat yang sejajar dengan pemetaan bakat global untuk mewujudkan graduan sedia masa hadapan
- Mewujudkan peluang yang menyokong pembangunan kecemerlangan bakat berkemahiran tinggi dan berpengetahuan.
- Memperkukuh pakatan strategik dengan alumni untuk mempromosikan bakat yang berterusan.

**P&I**

- Memperkasa aktiviti penulisan dan penerbitan.
- Memacu percambahan aktiviti inovasi.
- Menyerlah ketampakan kesarjanaan.
- Mewujudkan ketampakan penyelidikan.
- Mewujudkan ekosistem mesra penyelidikan.
- Meraih geran penyelidikan

**ICAN**

- Peningkatan perkongsian MOU/MOA di peringkat tempatan & antarabangsa
- Memperkasa alumni KPPIM untuk mewujudkan pakatan strategik dan usaha kolaboratif.
- Memulakan penyertaan komuniti yang berani dalam jangka panjang, strategik dan program mewah

**PENGURUSAN**

- Staf akademik berkelayakan PhD
- Pembudayaan ESI-iDART
- Program-program kebersamaan staf
- Penyertaan staf dalam KIK, OE, AKNC
- Latihan *(upskilling) – sabatikal, industrial attachment, post doctoral,* latihan kemahiran
- Happiness Index- fasiliti, keselamatan, kebajikan, kesejahteraan
- Membudayakan polisi Sumber Manusia
- Penampilan imej KPPIM
- Meningkatkan ketampakan KPPIM melalui media massa
- Radio UFM menjadi suara rasmi UiTM
- Melahirkan 'educators' keusahawanan
- Penjanaan pendapatan dari Kumpulan Wang Amanah

# SENARAI PROJEK BERDASARKAN TERAS 2023



# PROJEK UTAMA HAL EHWAL AKADEMIK (HEA)

| | Globally Recognised Curriculum | Competent Educators |
|---|---|---|
| **Objektif** | • Untuk menyemak kurikulum sedia ada *(Reflect, Review, Revise)*<br>• Untuk mereka bentuk program akademik antara disiplin, transdisiplin dan pelbagai disiplin global yang boleh dipasarkan secara global.<br>• Untuk memanfaatkan kuasa perkongsian dan mobiliti antarabangsa. | • Memperkukuhkan kualiti dan nilai amalan pengajaran & pengajaran<br>• Untuk memanfaatkan kuasa perkongsian dan mobiliti antarabangsa. |
| **Inisiatif** | • Menjalinkan kerjasama dengan syarikat antarabangsa.<br>• Meningkatkan pengalaman dan pendedahan melalui program jangkauan global *(Global Outreach).* | • Menawarkan program *Micro-credentials, DegreePlus Broad-based* dan *Personalised Curriculum.* |

# PROJEK UTAMA HAL EHWAL PELAJAR (HEP)

| | INTPRIME | SULAM | PRIMETEER |
|---|---|---|---|
| **Objektif** | • Mewujudkan ketampakan global pelajar melalui penyertaan aktiviti (e.g. sukarelawan, pengucapan awam, dll) peringkat antarabangsa. | • Membentuk kemahiran insaniah yang cemerlang di kalangan pelajar yang menyertai program SULAM (kursus yang telah didaftarkan dibawah UHEK UiTM).<br>• Membentuk sahsiah para pelajar berdasarkan kepada inisiatif ESI-iDART<br>• Menggalakkan para pelajar untuk sentiasa bersedia membantu.<br>• Menggalakkan para pelajar untuk sentiasa bersedia membantu masyarakat sama ada dalam atau luar negara.<br>• Menggalakkan pelajar agar sentiasa bersifat ingin menyumbangkan ilmu dan kepakaran kepada masyarakat yang memerlukan. | • Meningkatkan penguasaan kemahiran insaniah (komunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan) di kalangan pelajar melalui pelbagai aktiviti termasuk e-sports.<br>• Membentuk sahsiah para pelajar berdasarkan kepada initiatif ESI-iDART dan sifat patriotik.<br>• Membentuk pelajar yang kreatif dan inovatif. |
| **Inisiatif** | • Menjalinkan kerjasama dengan syarikat antarabangsa.<br>• Meningkatkan penyertaan dalam pertandingan-pertandingan antarabangsa.<br>• Meningkatkan kesukarelawanan di peringkat antarabangsa bersama rakan industri.<br>• Memperkaya dan memperhebat pembangunan bakat dalam kalangan pelajar UiTM. | • Menawarkan khidmat masyarakat di peringkat antarabangsa.<br>• Meningkatkan kesukarelawanan di peringkat antarabangsa bersama rakan industri.<br>• Mengoptimumkan penglibatan masyarakat dengan menerapkan program pembelajaran khidmat mampan melalui kurikulum akademik UiTM. | • Menanamkan nilai kecemerlangan, sinergi dan integriti (ESI) menerusi latihan kepimpinan, kurikulum tambahan dan kesukarelawanan |

# PROJEK UTAMA PENYELIDIKAN & INOVASI (P&I) 2023

| | PUBLISH2GLORY | SURE VISIBLE | GETZFUND |
|---|---|---|---|
| **Objektif** | **Memperkasa Aktiviti Penulisan dan Penerbitan**<br>• Memberi panduan dan pendedahan kepada penyelidik berkenaan kaedah penulisan Jurnal & Prosiding yang berindeks SCOPUS/WoS/ERA/MyCite.<br>• Memberi panduan dan pendedahan kepada penyelidik berkenaan kaedah penulisan Buku Hasil Penyelidikan di bawah MAPIM dan UiTM Press.<br>• Membantu dan membimbing penyelidik dalam kategori denominator berpotensi. | **Mewujudkan Ketampakan Penyelidikan**<br>• Memberi panduan dan pendedahan kepada penyelidik berkenaan penghasilan Bibliometrik & Sitasi dengan mengenalpasti topik penyelidikan keterhadapan yang perlu diberi tumpuan dan tujahan.<br>• Merangsang dan memberi motivasi kepada penyelidik di peringkat RIG dan Penyelidik Terpilih.<br>• Meningkatkan status indeks jurnal yang sedia ada. | **Meraih Geran Penyelidikan**<br>• Memberi panduan kepada penyelidik berkenaan kaedah dan teknik yang tepat bagi menghasilkan kertas cadangan penyelidikan yang berkualiti.<br>• Menjalin kolaborasi penyelidikan dengan industri dan universiti luar/dalam negara.<br>• Memantau kemajuan dan penggunaan kewangan geran penyelidikan. |
| **Inisiatif** | • Melibatkan inisiatif-inisiatif penerbitan akademik | • Mempergiat dan memperhebat bakat-bakat untuk menangani cabaran di bawah enam (6) bidang penyelidikan utama melalui penyelidikan pelbagai disiplin dan translasional.<br>• Mewujudkan persekitaran yang kondusif dan mampan dengan tadbir urus dan pembiayaan yang teguh untuk menyokong semua aspek penyelidikan yang berkualiti. | • Membina kerjasama dan rangkaian penyelidikan antarabangsa. |

# PROJEK UTAMA JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI & ALUMNI (ICAN) 2023

| | INDUSTRIAL PARTNERSHIP | BOLD COMMUNITY ENGAGEMENT | ALUMNI STRATEGIC ALLIANCE |
|---|---|---|---|
| **Objektif** | • Menggalakkan kerjasama nasional dan antarabangsa, perkongsian, dan MOU / MOA di peringkat institusi, jabatan, unit, dan individu.<br>• Mencari, meningkatkan, dan menyokong perkongsian dengan industri, untuk meningkatkan aktiviti, penyelidikan, pembangunan kurikulum, sukarela, dan pembiayaan<br>• Mencari, meningkatkan, dan menyokong perkongsian dengan industri, untuk meningkatkan aktiviti, penyelidikan, pembangunan kurikulum, sukarela, dan pembiayaan. | • Terlibat dengan kerajaan, komuniti, industri, untuk menangani cabaran tempatan, nasional, dan global.<br>• Mengalu-alukan dan meningkatkan akses komuniti, penyertaan, dan penglibatan di semua sumber KPPIM, seperti pusat kecekapan, makmal khusus, pusat radio, perpustakaan dan semua pusat sumber tertentu. | • Memperluaskan peluang alumni untuk menjadi mentor, mewujudkan rangkaian, dan menawarkan latihan amali dan pekerjaan, dan aktiviti keusahawanan kepada pelajar KPPIM.<br>• Memudahkan hubungan yang lebih kukuh di kalangan pertubuhan / persatuan pelajar dan pertubuhan / persatuan alumni.<br>• Mengalu-alukan alumni ke KPPIM dengan menawarkan peluang untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan akademik, olahraga dan sukan, budaya dan kehidupan pelajar, *Homecoming* dan perjumpaan semula sambil menekankan peluang yang boleh diberikan oleh alumni. |
| **Inisiatif** | • Memanfaatkan kerjasama pintar dengan industri yang dapat memberi pengalaman global melalui program mobiliti pelajar.<br>• Mewujudkan ekosistem kondusif yang menyokong jaringan industri-universiti melalui inovasi simulasi *outfit* dan *makers programme*. | • Mengoptimumkan penglibatan masyarakat dengan menerapkan program pembelajaran khidmat mampan melalui kurikulum akademik UiTM<br>• Melibatkan kerjasama universiti-industri bagi memupuk pengalaman dunia sebenar. | • Menubuhkan Persatuan Alumni UiTM untuk menyelaras aktiviti alumni yang dapat menyumbang kepada kemajuan pengajaran & pembelajaran bagi pembangunan pelajar. |

# PROJEK UTAMA PENGURUSAN 2023

| | KPPIM Academic Staff Profiling (KPAS) | *Training Needs Identification (TNI) & Training Needs Analysis (TNA) KPPIM* |
|---|---|---|
| **Objektif** | • Melaksanakan pemprofilan pembudayaan *Headhunting* (Pakar Bidang-Bidang Berimpak) untuk mencari dan mendekati bakat-bakat yang paling sesuai (kebangsaan dan antarabangsa)<br>• Untuk menggalakkan kakitangan mendapat kelayakan profesional/pensijilan<br>• Menggalakkan kakitangan mendaftar sebagai ahli badan akademik/profesional/NGO antarabangsa dan kebangsaan<br>• Untuk menggalakkan kakitangan akademik memohon biasiswa PhD.<br>• Untuk menggalakkan kakitangan (akademik dan bukan akademik) untuk menjalani program sangkutan dengan syarikat global 2000 teratas atau 300 Universiti QS Ranking teratas. | • Mencadangkan dan melaksanakan TNI dan TNA di KPPIM dengan memberi tumpuan kepada latihan dan pembangunan berkaitan latihan yang berkaitan dengan Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti.<br>• Mengadakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan peningkatan Indeks Kebahagiaan di kalangan kakitangan seperti pembinaan pasukan, hari keluarga, 5s dan lain-lain. |
| **Inisiatif** | • Melahirkan pensyarah pakar dalam bidang.<br>• Memfokuskan kepada program pembangunan kerjaya berimpak tinggi seperti Ph.D, latihan industri, pasca doktoral, latihan profesional, sub kepakaran, sarjana mobiliti pelajar haluan keluar (outbound) dan program profesional (MAICSA, CIMA, MIA, MIM) untuk staf. | • Membangun dan melaksanakan Indeks ESI.<br>• Menganjurkan persekitaran kerja yang mesra alam yang mengutamakan kesejahteraan dan kesihatan pelajar dan staf. |









**Disediakan oleh :**
**Unit Kualiti & Strategi,**
**Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media,**
**UiTM Shah Alam**